



Ruj. Kami: JKR.CREaTE.600-16/15/7 (36)

Tarikh : 17 Jun 2021

Dr. Wan Aezwani Wan Abu Bakar
Fakulti Informatik dan Komputeran
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Besut
22200 BESUT
Terengganu

Tuan,

**PROJEK PENYELIDIKAN : PEMBANGUNAN MODEL SISTEM PENYELARASAN
HARGA DALAM TALIAN (J-SELARAS) - BENGKEL J-SELARAS SIRI 2 TAHUN
2021**

- Perlantikan Sebagai Fasilitator





Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Dengan sukacitanya dimaklumkan bahawa Bahagian Inovasi, Penyelidikan dan Pembangunan Kejuruteraan (BIPPK), Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE) akan menganjurkan **BENGKEL J-SELARAS SIRI 2 TAHUN 2021** berkaitan Pembangunan Model Sistem Penyelarasan Harga Dalam Talian. Sehubungan dengan itu, CREaTE berhasrat untuk melantik tuan sebagai fasilitator bagi menjayakan bengkel berkenaan seperti ketetapan berikut:

**BENGKEL : PELAKSANAAN PEMBANGUNAN MODEL SISTEM
PENYELARASAN HARGA DALAM TALIAN
(J-SELARAS) SIRI 2 TAHUN 2021**

TARIKH : 21 – 23 JUN 2021 (ISNIN HINGGA RABU)

**TEMPAT : SECARA ATAS TALIAN
(ONLINE GOOGLE MEET)**



3. Skop tugas fasilitator adalah seperti berikut :-

- i. Membantu penceramah memberi syarahan berkenaan subjek yang telah ditetapkan berdasarkan latihan yang dipersetujui;
- ii. Mengendalikan latihan amali/ secara atas talian pada mana-mana subjek yang berkaitan;
- iii. Menyediakan nota latihan pada subjek yang ditetapkan. Nota latihan hendaklah diserahkan selewat-lewatnya dalam tempoh **3 hari** bekerja sebelum tarikh bengkel tersebut; dan
- iv. Menyediakan soalan kuiz (sebelum dan selepas bengkel) sebagai alat untuk menilai tahap kefahaman peserta dan keberkesanan penyampaian bahan bengkel. Soalan hendaklah berbentuk objektif sahaja.



Untuk makluman tuan, penilaian keberkesanan penyampaian ceramah dan pengendalian latihan amali/ secara atas talian di dalam subjek yang berkaitan akan dilaksanakan oleh peserta.

4. Itinerari bengkel adalah seperti di **Lampiran A** yang disertakan. Semua pensyarah/penceramah/fasilitator sambilan akan diberi elaun mengikut kelayakan berdasarkan 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP) WP 1.8 (Penceramah Kerajaan) dan 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PK 2.1 (Penceramah Swasta).

5. Sila kemukakan tuntutan ke pejabat ini **selewat-lewatnya** pada **10 Julai 2021** beserta dokumen sokongan berikut :-

- i. Borang maklumat penceramah / fasilitator jemputan bagi kursus anjuran JKR, (**Bahagian I dan Bahagian II sahaja**);
- ii. Salinan surat lantikan penceramah / fasilitator;
- iii. Itinerari kursus yang dikendalikan;
- iv. Salinan buku akaun bank / penyata bank;
- v. Salinan *Curriculum Vitae* (CV) penceramah / fasilitator;
- vi. Slip Gaji terkini (**Penceramah Kerajaan Sahaja**);
- vii. Salinan sijil kelayakan akademik tertinggi (**Penceramah Swasta sahaja**) (contoh: Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Sarjana/PhD);
- viii. Salinan kad pengenalan penceramah (**Penceramah Swasta sahaja**); dan
- ix. Borang kebenaran untuk menjalankan tugas sebagai penceramah/fasilitator (**Penceramah kerajaan sahaja**).

Pensyarah/penceramah/fasilitator sambilan adalah **DIWAJIBKAN** menghantar tuntutan penceramah menggunakan kertas secara *double sided* bagi tujuan penjimatan.



Ruj. Kami: JKR.CREaTE.600-16/15/7 (36)

Tarikh : 17 Jun 2021

6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung dengan perkara di atas, tuan boleh menghubungi :-

Nama	Emel	No. Telefon
Sr Norisah binti Abdul Ghani	norisah@jkr.gov.my	06-5512214
Arizal bin Azis	arizal@jkr.gov.my	06-5512266


Komitmen serta kerjasama tuan dalam menjayakan latihan ini adalah sangat diharapkan dan dihargai.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



Saya yang menjalankan amanah,



(SHAHIENA AZLI BINTI ABDUL AZIS)

b.p. Pengarah

Bahagian Inovasi, Penyelidikan dan Pembangunan Kejuruteraan
Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE)
Jabatan Kerja Raya Malaysia



TENTATIF BENGKEL SECARA MAYA

BENGKEL J-SELARAS SIRI 2 TAHUN 2021

**"PENYEDIAAN MODEL KEPERLUAN PENGGUNA BAGI PEMBANGUNAN SISTEM PENYELARASAN HARGA
SECARA ATAS TALIAN (J-SELARAS)**

PADA 21 – 23 JUN 2021

(SORANG PENCERAMAH DAN 2 FASILITATOR)

HARI PERTAMA 21 JUN 2021 (Isnin)

MASA	PROGRAM
8.00 pg – 8.30 pg	Pendaftaran Peserta Bengkel
8.30 pg - 10.00 pg	Pembentangan Hasil Dapatan bagi cadangan penyelesaian hasil daripada bengkel 2 – JSelaras
10.00 Pg – 10.15 pg	Rehat
10.15 pg – 1.00 ptg	Pembentangan Proses Kerja Penyediaan Senarai Kuantiti Dalam Talian
1.00 ptg – 2.00 ptg	Rehat & Solat
2.00 ptg – 3.00 ptg	Cadangan Penyelesaian hasil Pembentangan Proses Kerja Penyediaan Senarai Kuantiti Dalam Talian
3.00 ptg – 5.00 ptg	Penyediaan Model Keperluan Pengguna bagi Penyediaan Senarai Kuantiti Dalam Talian

HARI KEDUA 22 JUN 2021 (Selasa)

MASA	PROGRAM
8.00 pg - 10.00 pg	Sambungan Penyediaan Model Keperluan Pengguna bagi Penyediaan Penyelarasan Harga Dalam Talian
10.00 Pg – 10.15 pg	Rehat
10.15 pg – 1.00 ptg	Pembentangan Model Keperluan Pengguna Bagi Sistem Penyelarasan Harga Dalam Talian (J-Selaras)
1.00 ptg – 2.00 ptg	Rehat & Solat
2.00 ptg – 4.00 ptg	Sambungan Pembentangan Model dan cadangan proses penambahbaikan bagi Model Keperluan Pengguna Sistem Penyelarasan Harga Dalam Talian (J-Selaras)
4.00 ptg – 5.00 ptg	Penyediaan Rekabentuk Pangkalan Data bagi Penyediaan Senarai Kuantiti Dalam Talian

HARI KETIGA 23 JUN 2021 (Rabu)

MASA	PROGRAM
8.00 pg - 10.00 pg	Sambungan Penyediaan Rekabentuk Pangkalan Data bagi Penyediaan Senarai Kuantiti Dalam Talian
10.00 Pg – 10.15 pg	Rehat
10.15 pg – 1.00 ptg	Pembentangan Rekabentuk Pangkalan Data bagi Penyediaan Senarai Kuantiti Dalam Talian
1.00 ptg – 2.00 ptg	Rehat & Solat
2.00 ptg – 4.00 ptg	Sambungan Pembentangan Rekabentuk Pangkalan Data bagi Penyediaan Senarai Kuantiti Dalam Talian.
4.00 ptg – 5.00 ptg	Rumusan dan Penutup

Hasil:

Draf dokumen Model Keperluan Pengguna (*User Requirements*) bagi pembangunan Sistem Penyelarasan Harga Dalam Talian (J-Selaras).